

Covid-19: Bekalan makanan cukup, tak perlu panik - PM



TINJAUAN pembelian panik di pasar raya Tesco Mutiara Damansara. FOTO Asyraf Hamzah

BERNAMA

PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini, memberi jaminan kepada orang ramai bahawa tiada keperluan untuk melakukan pembelian panik kerana bekalan makanan mencukupi dan boleh didapati setiap masa.

Beliau mengakui bahawa ada beberapa tahap pembelian panik dalam kalangan masyarakat susulan pandemik koronavirus baharu (Covid-19) yang dihadapi dunia ketika ini, termasuk Malaysia.

"Malam ini kita akan turut membincangkan isu ini, tetapi secara jujur, janganlah terlalu risau.

"Bekalan makanan mencukupi untuk semua orang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Tindakan Ekonomi pertama di Putrajaya, hari ini.

Muhyiddin berkata, pihaknya mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan bekalan makanan yang penting mencukupi serta boleh didapati pada setiap masa.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga diarah memantau situasi di lapangan.

"Setakat hari ini, kementerian berkenaan tidak menyatakan bahawa bekalan makanan sedang kehabisan.

"Kami juga akan memastikan bahawa orang ramai mempunyai akses kepada bahan makanan penting seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan di kedai-kedai yang akan sentiasa dibuka.

"Jadi, adalah penting untuk memastikan bahawa anda tidak akan berasa kehilangan sesuatu serta mula bergegas untuk melakukan pembelian dan penyimpanan yang sebenarnya tidak perlu," katanya.

Muhyiddin juga berkata: "Hadapilah situasi ini dengan tenang, kami akan memastikan bahawa bekalan makanan mencukupi dan boleh didapati pada setiap masa, jangan tergesa-gesa.

"Beli dan simpan apa yang perlu seperti biasa, kami akan memastikan bahawa anda boleh mendapatkan barangan makanan pada bila-bila masa sahaja," katanya.



ORANG ramai panik membeli barangan keperluan makanan segera ketika tinjauan di Pasar Raya Giant, Bangi. FOTO Aizuddin Saad

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 16 Mac 2020 @ 9:00 PM